

CNS3431

U GR 15-05 00154 BH472

aah

Mahathir - Cina

SURANG, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sesuatu tindakan yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini harus dikaji semula.

+Kalau sesuatu tindakan itu akan menjejaskan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia, eloklah perkara itu dikaji,+ kata Perdana Menteri semasa diminta mengulas mengenai cadangan MCA untuk mewujudkan apa yang dikenali sebagai +Pekan Cina+.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau belum memikirkan lagi perkara itu dan tidak dapat mengulas buat masa ini.

+Semua pihak hendaklah mengutamakan aspek kebudayaan dan kesenian yang boleh merapatkan hubungan antara kaum di negara ini,+ katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini selepas bercuti selama kira-kira dua minggu di luar negara.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu adalah bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai kebudayaannya yang istimewa dan khusus untuk Malaysia. -- Lagi

♥15/05/20-37MST

CNS3444

U GR 15-05 00130 BH473

aah

Mahathir - Cina 2 Subang

Semasa ditanya sama ada perkara itu akan diselesaikan dalam mesyuarat Kabinet atau melalui semangat Barisan Nasional, Perdana Menteri berkata beliau belum boleh berkata apa-apa lagi mengenainya.

Apabila ditanya adakah beliau menemui pemimpin negara lain semasa berada di luar negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau cuma bertemu dengan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Pejabat Komanwel United Kingdom, Lord Cgithness dan berbincang mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata rancangan untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, mengenai hubungan Malaysia dan Australia, +sudah pasti tidak dapat mengelakkan pertemuan itu apabila 10 Ketua Kerajaan Komanwel mengadakan satu mesyuarat di London tidak lama lagi+. -- Bernama

♥15/05/20-57MST